



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI DAN PEMBUKAAN RASMI D'MART SEGI FRESH OLEH DMART SEGI SDN. BHD.

JENGA, 18 MEI 2024 – Hari ini saya telah merasmikan Program Jualan Rahmah MADANI dan pembukaan rasmi D'Mart Segi Fresh serta turut mengadakan sesi *walkabout* untuk meninjau dan mendekati pengunjung di kedai D'Mart Segi Fresh, Jengka 3, Felda Jengka 3, Pahang.

Program Jualan Rahmah MADANI di premis kedai D'Mart Segi Fresh ini adalah satu lagi inisiatif di bawah Program Jualan Rahmah MADANI yang sedang dilaksanakan melalui beberapa mod pelaksanaan iaitu dalam premis, luar premis/ premium dan secara bergerak. Jualan Rahmah MADANI di D'Mart Segi Fresh yang dilaksanakan secara dalam premis ini dijangka akan melibatkan sebanyak 35 cawangan di seluruh negara yang akan membawa manfaat kepada peneroka di Tanah-tanah Rancangan FELDA. Kerjasama Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) dan Syarikat Segi Value Holding Sdn. Bhd di bawah jenama D'Mart Segi Fresh ini akan menawarkan lebih pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan barangan segar seperti ayam, daging, makanan laut dan sayur-sayuran di samping barang runcit yang lain.

Perluasan Program Jualan Rahmah MADANI di Tanah-tanah Rancangan FELDA ini merupakan satu lagi usaha KPND dengan kerjasama Agensi Kerajaan seperti FELDA yang disokong oleh pemain industri untuk memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat lebih pilihan barangan keperluan asas dengan harga yang lebih berpatutan.

KPDN komited untuk bekerjasama dengan pemain industri khususnya untuk menjayakan Program Jualan Rahmah MADANI dengan penglibatan peruncit (pasar raya besar, pasar raya, pasar raya mini dan kedai runcit) untuk memberi pengurangan harga barangan semasa program jualan berlangsung antara 10% hingga 30% berbanding harga pasaran semasa yang bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup. KPDN mempelawa lebih ramai lagi pemain industri sama ada pasar raya, pemborong dan peruncit supaya dapat bersama-sama menjayakan aspirasi ini dalam mengurangkan tekanan terhadap kos sara hidup rakyat.

Akhir sekali, KPDN merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya FELDA, Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) dan Syarikat Segi Value Holding Sdn. Bhd di atas komitmen yang mampan sepanjang menjayakan Program Jualan Rahmah MADANI bagi membantu golongan yang memerlukan dalam meringankan beban kos sara hidup warga Malaysia MADANI di samping meningkatkan pendapatan para peniaga.

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###